
NRECC TUMPU LIMA AGENDA UTAMA DALAM EKONOMI MADANI SEBAGAI PENERAJU EKONOMI ASIA

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) memberi tumpuan kepada lima (5) agenda utama, iaitu **Peralihan Tenaga, Pembangunan Rendah Karbon, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Biodiversiti, Perlindungan Alam Sekitar serta Pembangunan Mineral** yang bertanggungjawab, selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat di bawah tumpuan menaikkan siling sebagai Peneraju Ekonomi Asia.

Bagi tumpuan menaikkan lantai melalui Peningkatan Darjat Hidup Rakyat, NRECC menumpukan kepada meningkatkan akses universal kepada pembekalan elektrik, pembekalan air terawat serta perkhidmatan pembedung, kecekapan pengurusan sumber air serta melindungi rakyat dari ancaman bencana banjir.

Menerusi agenda **Peralihan Tenaga**, kapasiti terpasang Tenaga Boleh Baharu (TBB) akan dipertingkatkan sehingga 70% pada tahun 2050. Dalam memastikan pencapaian sasaran ini, program-program TBB sedia ada akan diteruskan dan inisiatif baharu akan diterokai termasuk pengenalan sistem penstoran tenaga di peringkat penjanaan, penghantaran dan pengagihan; pengukuhan dan pemodenan sistem grid; pengenalan konsep "*adopter pays principle*"; dan perdagangan rentas sempadan bagi memanfaatkan dan meneroka permintaan TBB baharu.

Agenda kecekapan tenaga akan diperkukuhkan melalui pembentangan Rang Undang-Undang Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) pada Oktober ini bagi membolehkan negara mengawal selia kecekapan dan pemuliharaan tenaga, mengurangkan pembaziran dengan memperkasakan pengguna dalam mengurus penggunaan tenaga.

Bagi aspek pembangunan dasar **perubahan iklim**, akan dilaksanakan melalui pendekatan *whole-of-nation* melalui penubuhan Panel Penasihat dan Panel Konsultasi

Perubahan Iklim yang terdiri daripada pihak Kerajaan, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan, syarikat utiliti, ahli industri, pakar akademik dan bukan akademik; wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil (CSO), pertubuhan belia serta individu yang terlibat aktif dalam agenda perubahan iklim. Selain itu, usaha akan ditingkatkan bagi menggalakkan inisiatif bandar dan **mobiliti rendah karbon** serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi hijau melalui peningkatan pelaburan hijau, peluang pekerjaan hijau serta penarafan produk hijau.

Dari segi, **pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti** akan diberi tumpuan dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan kelestarian alam termasuk melalui pengukuhan dasar, penubuhan Malaysia Biodiversity Centre, penyediaan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*), perlindungan hidupan liar terutama spesies terancam, memperluas dan memperkasa Program Rondaan dan Perlindungan Biodiversiti (BP3).

Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan terus dipertingkatkan melalui Pengurusan Hutan Secara Berkekalan melibatkan pelaksanaan Catuan Tebangan Tahunan (CTT), pewartaan kawasan hutan simpanan kekal (HSK) baharu dan hutan tadahan air (HTA); program penanaman pokok termasuk di kawasan pesisiran pantai serta program restorasi kawasan hutan terosot.

Inisiatif *Forest Conservation Certificate* (FCC) dijadualkan akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024 bagi membolehkan rakan strategik industri menyumbang dana kewangan ke arah aktiviti konservasi kawasan berhutan dan perlindungan hidupan liar, dan menerima pengiktirafan melalui pensijilan serta pelepasan cukai.

Selain itu, kajian kebolehlaksanaan instrumen berasaskan pasaran iaitu protokol Forest Carbon Offset (FCO) sedang dilaksanakan bagi menilai *viability* untuk mewujudkan suatu piawaian domestik bagi menghasilkan kredit karbon dari sektor perhutanan di Malaysia.

Dalam aspek **pembangunan mineral**, sumber mineral strategik negara akan dibangunkan bagi memberikan impak yang signifikan kepada ekonomi negara, kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam sekitar. Langkah ini dilaksanakan melalui pembangunan Dasar Mineral Negara 3, pembangunan SOP Perlombongan NR-REE dan usaha membanteras kegiatan perlombongan haram.

Pengurusan Alam Sekitar akan dipertingkatkan melalui pindaan ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), penambahan stesen-stesen pengawasan air sungai automatik, pembangunan Pelan Induk Udara Bersih Kebangsaan serta peralihan kepada ekonomi kitaran plastik dan air.

Begitu juga, selaras dengan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Kerajaan telah beralih daripada pelaksanaan subsidi elektrik pukal kepada subsidi bersasar. Melalui pelaksanaan subsidi bersasar, peruntukan Kerajaan sebanyak RM4.6 bilion dapat dijimatkan bagi tahun ini. Bagi meringankan beban kewangan dan kos sara hidup rakyat, Program Rebat Bil Elektrik RM40 diteruskan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus miskin tegar yang berdaftar dan disahkan melalui Sistem eKasih.

Dari aspek **pengurusan sumber air**, NRECC juga melihat bahawa pelarasan tarif air perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kemampunan kewangan sektor air dan pembedanaan, memastikan kelangsungan bekalan air serta meningkatkan kualiti perkhidmatan air dan pembedanaan bagi memenuhi keperluan rakyat dan industri.

Melalui Program Pengurangan Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) Kebangsaan terus giat dilaksanakan bagi mengurangkan kadar NRW daripada 37.2% pada tahun 2022 kepada 31% pada tahun 2025 bagi negeri-negeri di bawah kawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) .

NRECC juga komited dalam menangani isu bekalan air di negeri. Langkah-langkah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang telah dikenalpasti bagi menangani isu bekalan air di Negeri Kelantan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan keperluan peruntukan keseluruhan lebih RM1 billion termasuk mengurangkan kadar NRW, membangunkan sumber air dan infrastruktur baharu, serta penyelenggaraan dan penggantian peralatan serta paip air sedia ada.

Selain itu, bagi memperkukuhkan pengamalan ekonomi kitaran air, penggunaan air pulih guna bukan bagi tujuan makanan dan minuman akan dipertingkatkan termasuk melalui cadangan projek Loji Rawatan Air Pulih Guna (LRAP) yang akan dibina di Johor Bahru dengan kapasiti 10 Juta Liter Sehari (JLH).

Kecekapan pengurusan sumber air akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan sepuluh Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) melalui jalinan kolaborasi dengan pihak Kerajaan Negeri melibatkan lembangan sungai di negeri Kedah, Pulau Pinang, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Sejumlah RM360 juta turut diperuntukkan untuk meningkatkan kesiapsiagaan melalui pemuliharaan sungai dan kerja-kerja pengukuhan dan kestabilan tebing bagi mengurangkan risiko banjir. Kepentingan rakyat terus dilindungi melalui pelaksanaan 233 projek tebatan banjir di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dengan kos berjumlah RM19.47 bilion dengan anggaran sehingga 2.5 juta rakyat dapat dilindungi daripada bencana banjir apabila keseluruhan projek tersebut siap pada tahun 2025.

Menerusi komitmen semua pihak, NRECC yakin dan komited pelaksanaan Kerangka Ekonomi MADANI akan berupaya memacu perubahan lanskap ekonomi negara ke arah kemampanan dan memperkasa rakyat selain memastikan kehidupan yang berkualiti untuk rakyat.

Sesi Dialog Belanjawan 2024 peringkat Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang diadakan pada hari ini bersekali dengan Program Naratif Ekonomi Madani bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pemegang-pemegang taruh NRECC di bawah tema Tenaga Boleh Baharu dan Kecekapan Tenaga; Pertumbuhan Hijau dan Pembangunan Rendah Karbon; dan Pembangunan Industri Mineral.

NRECC mengalu-alukan penglibatan semua pihak dalam Sesi Dialog ini bagi menyumbang kepada ucapan Belanjawan 2024 dan juga hala tuju Kementerian secara keseluruhan.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

13 SEPTEMBER 2023



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia